

**TEKS UCAPAN PERASMIAN
OLEH:
YB TAN SRI NOH BIN OMAR
MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN
MAJLIS PELANCARAN KEMPEN KESEDARAN KESELAMATAN DI
AIR 2018
PANTAI CAHAYA NEGERI, PORT DICKSON, NEGERI SEMBILAN
16 MAC 2018**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan Salam Negaraku Malaysia,

Saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah dan kurnianya dapat kita sama-sama hadir di Majlis Pelancaran Kempen Kesedaran Keselamatan di Air 2018 anjuran Majlis Keselamatan Aktiviti Air Negara di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Ucapan Penghargaan

2. Di kesempatan ini, saya ingin berterima kasih kepada Pejabat YAB Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan (SUK), Majlis Perbandaran Port Dickson (MPPD), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sembilan dan juga Bahagian Dasar dan Inspektorat (KPKT) kerana telah menyusun atur pelbagai aktiviti untuk meningkatkan kesedaran keselamatan dalam menjalankan aktiviti yang melibatkan badan air. Majlis pelancaran kempen kesedaran keselamatan di air hari ini merupakan program yang julungkali diadakan

pada tahun ini di peringkat kebangsaan untuk menyedari masyarakat, khususnya golongan belia dan pelajar-pelajar supaya sentiasa peka dan mengingati kepentingan keselamatan semasa menjalankan aktiviti di air.

YBhg. Dato' Sri/Dato'-Dato'/ Tuan-Puan sekalian,

Insiden Mati Lemas dan Kempen Kesedaran Keselamatan di Air

3. Merujuk kepada data yang dikeluarkan oleh *Perak Clinical Research Centre* (CRC) berhubung kematian akibat insiden lemas, hampir 700 kes kematian lemas dilaporkan berlaku pada setiap tahun di Malaysia yang melibatkan mangsa-mangsa yang berusia 18 tahun ke bawah. Angka ini juga telah meningkat pada setiap tahun.

4. Menurut data yang dikeluarkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) yang melibatkan kehadiran pegawai BOMBA, kejadian insiden mati lemas telah meningkat daripada 260 kes pada tahun 2016 kepada 327 kes pada tahun 2017. Pada 2 bulan pertama tahun 2018 sahaja (Januari - Februari), seramai 65 insiden mati lemas direkodkan! Jumlah kes kematian insiden lemas seperti ini adalah merupakan satu kejadian yang amat menyayat hati yang bukan sahaja melibatkan kehilangan ahli keluarga, saudara mara, tetapi ia turut memberi kesan negatif dari sudut kesejahteraan rakyat.

5. Lazimya, insiden kejadian lemas di air berlaku di badan-badan air seperti sungai, tali air, pantai, kawasan air terjun, tasik, longkang dan juga kolam renang. Faktor-faktor yang menyebabkan kejadian lemas di air, adalah seperti akses yang tidak terkawal ke kawasan badan air yang merbahaya dan kekurangan pengetahuan mengenai keadaan air.

Selain itu, faktor kecuaiian, pengabaian keselamatan, kesalahan anggapan terhadap tahap bahaya di air dan kekurangan penyeliaan visual yang berterusan di kalangan pihak penjaga turut menyumbang kepada peningkatan insiden kejadian lemas ini. Kita perlu sedar bahawa kadang kala di luar kemampuan kita untuk menjangkakan kehadiran kepala air yang merbahaya di sesuatu kawasan badan air yang boleh berlaku di mana-mana sahaja.

6. Oleh itu, Kempen Kesedaran Keselamatan di Air yang dilancarkan lebih memberi fokus kepada golongan kanak-kanak, remaja dan belia yang hadir bersama-sama dengan ibubapa atau penjaga pada hari ini. Program kesedaran ini merupakan satu platform dalam menyebarkan informasi mengenai keselamatan aktiviti air kepada pelajar-pelajar sekolah dan masyarakat setempat. Memandangkan keperluan untuk menyebarkan kesedaran keselamatan air ini saya telah mengarahkan supaya kempen seperti ini dilaksanakan di peringkat negeri dan daerah, terutamanya pada setiap musim sebelum cuti sekolah bermula.

7. Kempen ini menyediakan satu platform pendidikan asas keselamatan dan kesedaran mengenai bahaya aktiviti air di tempat-tempat yang sering dikunjungi oleh orang ramai. Antara lain, satu keperluan yang perlu diutamakan sebelum membantu orang lain adalah memastikan keselamatan diri terlebih dahulu dan mengetahui langkah-langkah tindakan awal yang perlu diambil sekiranya berlaku kecemasan di badan atau takungan air.

8. Melalui kempen ini, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) diberi tanggung jawab untuk menyediakan modul keselamatan di air yang mencakupi elemen keselamatan diri, keperluan memakai

jaket keselamatan air, teknik mendarat di tepi pantai dan tebing. Perkara-perkara lain yang juga turut disentuh adalah seperti kepentingan berenang, kaedah penyelamatan, kepentingan papan tanda keselamatan yang seragam mengikut standard antarabangsa dan tips keselamatan CPR.

YBhg. Dato' Sri/Dato'-Dato'/Tuan-Puan sekalian,

Usaha dan Pendekatan Kerajaan

9. Kementerian saya melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah mengenal pasti kawasan 'hotspots' dan telah mengkategorikan sebanyak **12 KAWASAN BERISIKO TINGGI** dan **34 KAWASAN BERISIKO** di seluruh negara. Untuk tujuan itu, saya akan memaklumkan dan mengeluarkan hebahan segera di media massa dan elektronik supaya langkah berwaspada dapat diambil ketika berada di kawasan/lokasi tersebut.

10. Dalam hal ini, saya juga telah mengarahkan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia untuk mengawasi **Kawasan Berisiko Tinggi tersebut** bagi tujuan kawalan keselamatan sepanjang cuti persekolahan ini. Saya menyedari, usaha dan komitmen dalam mengurangkan insiden kejadian mati lemas ini bukan sahaja terletak di bawah tanggungjawab KPKT, malah ia merupakan tanggungjawab semua pihak yang berkepentingan termasuk Badan-Badan Bukan Kerajaan :

- i) Kerjasama NBOS KPKT bersama 7 Agensi lain iaitu Kementerian Kesihatan Malaysia, Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Kebajikan

Masyarakat (JKM), Jabatan Perangkaan Negara dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dalam penubuhan Pangkalan Data Insiden Kejadian di Air.

- ii) Kementerian Pendidikan - Modul Ko-kurikulum sekolah perlu diselitkan elemen kepentingan keselamatan di air. Selain itu, guru-guru juga berperanan dalam menyampaikan info atau tips keselamatan di air kepada murid-murid khususnya sebelum cuti sekolah bermula di semua sekolah di seluruh negara.
- iii) Kementerian Kesihatan – Kepentingan keselamatan air perlu diberi penekanan dari sudut kesihatan misalnya penyakit berjangkit di kawasan badan air seperti kencing tikus dan penyakit taun.
- iv) Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar – Melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) usaha memantau paras air sungai dan menyediakan serta memasang Sistem Amaran Awal.
- v) NIOSH – KPKT akan melaksanakan kerjasama strategik dalam menilai dan menaksir kadar risiko bahaya di sesuatu kawasan badan air.
- vi) Pihak Berkuasa Tempatan – Pemasangan dan penggantian papan tanda keselamatan air secara seragam mengikut piawaian antarabangsa perlu dilaksanakan dengan segera di Kawasan Berisiko Tinggi dan Berisiko. Pihak PBT juga disarankan supaya mengambil tindakan memasang pagar di kawasan/lokasi yang berbahaya sekiranya perlu.

11. Sebagai langkah proaktif, saya juga mengarahkan Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) supaya mengkaji undang-undang yang bersesuaian dan menggubal undang-undang kecil bagi tujuan penguatkuasaan Keselamatan di badan air dan rekreasi. Selain itu, Garis Panduan berkaitan keselamatan di air juga akan disediakan sebagai panduan untuk kegunaan Pihak Berkuasa Tempatan.

12. Dalam menggalas tanggungjawab ini secara bersama, saya amat mengalu-alukan sebarang idea atau cadangan dari semua pihak sebagai penambahbaikan pelan tindakan dan perancangan yang perlu dilaksanakan oleh Majlis Keselamatan Aktiviti Air (MKAA) di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

13. Saya juga amat menekankan peranan dan tanggungjawab ibu bapa dalam memantau pergerakan anak-anak mereka ke kawasan badan air dan juga rekreasi. Tanggungjawab ibu bapa amat penting dalam memupuk budaya keselamatan dan mengingatkan anak-anak mereka berhubung bahaya di air.

Penutup

14. Melihat kepada pendekatan amalan terbaik dalam mengurangkan kejadian mati lemas di air seperti yang dilaksanakan di Singapura dan di Denmark, saya mencadangkan agar inisiatif yang sama juga turut dikaji untuk diterima pakai di Malaysia. Saya juga berharap agar strategi ini dapat dijadikan sebagai salah satu pendekatan di bawah MKAA.

15. Di kesempatan ini, saya ingin menyampaikan pesanan kepada semua khususnya pelajar sekolah yang akan bercuti mulai esok supaya **"Bergembiralah Melakukan Aktiviti Air Yang Dibenarkan, Ingat Tips Keselamatan Yang Diberikan dan Pulanglah ke Pangkuan Keluarga Dengan Selamat"**. ***ENJOY YOURSELF AND COME HOME SAFELY.*** Sesungguhnya, saya perlu menyeru kepada semua pelajar di sekolah seperti mana *tagline* yang kami wawarkan iaitu **"KAMI BIJAK UNTUK SELAMAT DI AIR"**.

16. Akhir kata, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YB Dato' Jalaludin bin Hj. Alias sebagai Wakil Kerajaan Negeri Sembilan, dan tahniah sekali lagi kepada Majlis Keselamatan Aktiviti Air (MKAA), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sembilan, Majlis Perbandaran Port Dickson (MPPD), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan, Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH), Persatuan Penyelamat Kelemasan Malaysia (LSSM), Universiti Putra Malaysia (UPM), SWCorp, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Penerangan Negeri Sembilan, Jabatan Pendidikan Negeri, Institusi Pengajian Tinggi dan Vokasional, Pengetua dan penuntut di sekolah yang telah mengambil bahagian, Persatuan-Persatuan, serta semua pihak lain yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penganjuran majlis ini.

17. Dengan lafaz bismillahirrahmanirrahim, saya melancarkan Kempen Kesedaran Keselamatan di Air 2018 di Pantai Cahaya Negeri, Port Dickson, Negeri Sembilan pada hari ini.

Sekian, terima kasih.